

# Jepun 'tarik nyawa' lelaki psiko

Tomohiro Kato yang bertanggungjawab membunuh tujuh orang awam dalam insiden amuk pada 2008 dihukum mati

TOKYO

Lelaki yang bertanggungjawab membunuh tujuh orang awam dalam kejadian amuk di daerah elektronik popular Akihabara, Jepun pada tahun 2008 telah dihukum mati.

Menteri Kehakiman, Yoshihisa Furukawa berkata, hukuman terhadap Tomohiro Kato dilaksanakan pada Selasa.

Menurut Furukawa, hukuman tersebut adalah wajar sebagai keadilan kepada semua mangsa yang terbunuh dalam insiden berkenaan.

"Tomohiro Kato melakukan persediaan rapi sebelum melaksanakan serangan itu dan menunjukkan niat yang kuat untuk membunuh," ujar Furukawa.

Dalam insiden pada 8 Jun 2008 itu, Kato yang memandu trak dua tan jenis Isuzu Elf merempuh dua jalan utama di Akihabara iaitu Chuo-Dori dan Kanda Matsuya ketika kawasan itu dipenuhi orang awam terutama remaja.

timeter (sm) di kedai menjual peralatan ketenteraan di Fukui.

Pada hari kejadian jam 8.45 pagi (waktu tempatan), Kato dilaporkan menjual komputer peribadi dan beberapa perisian untuk mendapatkan wang bagi menyewa trak yang bakal digunakan dalam kejadian itu.

Selepas menyewa trak, Kato memandu lebih 100 kilometer (km) dari Susono ke Akihabara melalui kawasan Gunung Fuji yang mengambil masa tiga setengah jam.

Polis berkata, Kato mendokumenkan perjalanannya untuk ke Akihabara pada buletin internet dengan menaip mesej ketika memandu trak berkenaan, namun perkara itu tidak menerima sebarang maklum balas daripada pembaca.

Ketika itu, dia merungut mengenai kerjanya yang tidak stabil dan kesepian.

Antara kandungan mesej yang dihantar Kato ialah: "Aku akan membunuh orang Akihabara"; "Masanya sudah tiba"; "Aku tidak berguna dan tiada masa depan, membunuh jalan penyelesaian" serta "Aku tidak dipedulikan kerana hodoh".

Pendakwa raya berkata, keyakinan diri Kato jatuh merudum apabila wanita yang dikenali dalam talian, tiba-tiba berhenti daripada mengirim emel selepas dia menghantar fotonya.

Anak kepada kakitangan bank itu membesar di wilayah Aomori di utara Jepun, di mana dia menamatkan sekolah



Imej litar kamera tertutup (CCTV) menunjukkan Kato berada di kaunter pembayaran kedai menjual peralatan ketenteraan di Fukui.



Rempuhan itu mengakibatkan tiga terbunuh dan Kato yang bagai diserang histeria turun dari trak lalu menjerit serta menikam orang ramai yang ketakutan dan berusaha menyelamatkan diri.

Mereka yang menghulurkan bantuan serta menyaksikan kejadian tidak terkecuali apabila Kato menikam secara rambang sehingga menyebabkan empat nyawa lagi terkorban dan mencederakan 10 yang lain.

Siasatan awal menunjukkan Kato yang bekerja sementara di sebuah kilang pengeluaran komponen kenderaan di Shizuoka merancang serangan itu beberapa hari sebelumnya, malah mengunjungi Akihabara bagi membuat 'persiapan awal'.

Dua hari sebelum pembunuhan, Kato membeli sebilah pisau berukuran 13 sen-

tinggi dengan keputusan cemerlang namun gagal dalam ujian kemasukan ke universiti.

Serangan itu adalah pembunuhan beramai-ramai paling teruk di Jepun dalam tempoh tujuh tahun dan Kato dijatuhi hukuman mati pada tahun 2011, keputusan yang dikekalkan oleh mahkamah tertinggi Jepun pada 2015.

Hukuman mati Kato adalah yang pertama di Jepun tahun ini dan dibuat selepas tiga banduan dihukum gantung pada Disember 2021.

Jepun antara satu daripada segelintir negara maju yang mengekalkan hukuman mati dan sokongan orang ramai terhadap hukuman mati kekal tinggi walaupun mendapat kritikan antarabangsa, terutamanya daripada kumpulan hak asasi manusia. - AFP



Kato memandu trak yang disewa sejauh lebih 100km dari Susono ke Akihabara melalui kawasan Gunung Fuji yang mengambil masa tiga jam setengah.



Orang ramai membantu mangsa yang cedera dilanggar trak dan ditikam dalam insiden amuk di Akihabara pada tahun 2008.



Anggota polis mengumpul bukti di lokasi kejadian.



Kato ditahan polis selepas mengamuk di Akihabara.